



**KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,  
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4  
62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel: 03 – 8000 8000  
Faks: 03 – 8891 5557  
Laman Web: [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Emel: [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter: [www.twitter.com/kpkt\\_gov](http://www.twitter.com/kpkt_gov)  
Facebook: [www.facebook.com/KPKTMalaysia](http://www.facebook.com/KPKTMalaysia)

---

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 (59)

Tarikh : 4 Mei 2017

## **SIARAN MEDIA**

### **Majlis Perasmian Dan Penyerahan Kunci Bagi Pasar Ayam Aman Jaya, Ipoh, Perak**

Ipoh, 4 Mei 2017 – YAB Menteri Besar Perak menyempurnakan majlis perasmian dan penyerahan kunci bagi Pasar Ayam Aman Jaya. Seramai 34 orang penjaja menerima kunci gerai di Pasar Ayam Aman Jaya pada petang ini.

2. Pasar ayam ini telah dinaiktaraf dari pasar ayam yang daif dan kurang selesa kepada pasar yang mempunyai kemudahan awam di samping persekitaran yang lebih selesa kepada para peniaga dan pembeli serta pengunjung UTC Perak. Ini juga adalah kemudahan untuk meningkatkan perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

3. Pasar ini telah siap dibina sepenuhnya pada 31 Januari 2017 setelah dimulakan pembinaanya pada 10 Februari 2014 dengan keluasan berkeluasan 56,781.80 meter persegi ini menelan belanja sebanyak RM11,367,750.20 yang menempatkan ruang gerai ayam sebanyak 60 unit, 313 lot tempat meletak kenderaan termasuk 3 lot OKU dan parkir motor sebanyak 100 lot serta kemudahan asas yang lain seperti tandas dan surau. Projek ini merupakan sebahagian daripada siri pelaksanaan projek pembangunan semula pasar-pasar dalam kawasan Majlis Bandaraya Ipoh.

4. Pasar ayam ini dilengkapi parkir bertingkat. Pasar ini direkabentuk bagi memudahkan operasi pembersihan, penyelenggaraan serta mempunyai kemudahan-kemudahan yang mencukupi merangkumi keperluan seperti berikut :

- i. Kemudahan tempat berniaga 60 lot bilangan peniaga pasar ayam mengikut ruang dan saiz yang ditetapkan;
- ii. Kemudahan awam seperti kemudahan tandas awam, tandas OKU, surau, lif penumpang, jejantas dari tempat parkir kereta ke bangunan UTC Perak, tempat letak kereta bertingkat dan motosikal awam;
- iii. Kemudahan prasarana asas kemudahan bekalan air, bekalan talian telefon, internet, CCTV, sistem perparitan, saluran dan kumbahan;

- iv. Sistem rawatan air kumbahan (waste water treatment system) bagi merawat air kumbahan pasar serta kemudahan sistem pengurusan sisa pepejal (solid waste management sistem), agar dapat mengekalkan kualiti dan kebersihan air Sungai Kinta melalui pembuangan air yang telah dirawat yang menepati piawaian yang telah ditetapkan ; dan
- v. Ruang pejabat untuk kegunaan Majlis Bandaraya Ipoh.

---

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Tan Sri Noh Bin Haji Omar. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semananjung Malaysia; Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Landskap Negara; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555*

*Faks : 03-8891 5557*

*E-mel : pro@kpkt.gov.my*